

09/08/1997

Ramai sertai gotong-royong

PASIR PUTEH, Jumaat - Pelancaran Hari Kebangsaan peringkat Pasir Puteh berjalan lancar, membabitkan seluruh penduduk termasuk rakyat Semerak yang sibuk dengan kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

Mereka bersama-sama mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan dalam usaha meningkatkan amalan kebersihan alam sekitar, selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) bertanggungjawab menyelaraskan pelancaran itu turut menampilkan suasana pemuafakatan dan keharmonian di antara penduduk terbabit dan melupakan perbezaan fahaman politik masing-masing.

(END)